



## SIARAN MEDIA

### NOTIS TAWARAN PENGAMBILALIHAN MANDATORI TIDAK BERSYARAT BOUSTEAD PLANTATIONS BERHAD

**KUALA LUMPUR, 10 NOVEMBER 2023** – Lembaga Tabung Angkatan Tentera (“LTAT” atau “Penawar”) hari ini, mengumumkan bahawa telah mengeluarkan Notis mengenai Tawaran Pengambilalihan Mandatori Tidak Bersyarat (“Tawaran”) bagi kesemua baki saham dalam Boustead Plantations Berhad (“BPlant”) yang tidak dipegang oleh LTAT pada harga tawaran RM1.55 sesaham.

Ini berikutan pemeteraian perjanjian penjualan saham tanpa syarat (“SSA”) dengan Boustead Holdings Berhad (“BHB”) untuk memiliki 739,199,966 saham BPlant yang mewakili kira-kira 33% daripada jumlah saham terbitan Bplant. Menurut Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 (“CMSA”) dan Peraturan Pengambilalihan, Penggabungan dan Pengambilalihan Wajib, LTAT berkewajipan untuk melanjutkan Tawaran.

Berikutan pengambilalihan yang dinyatakan di atas, LTAT akan memegang 976,406,066 saham dalam BPlant, mewakili 43.59% daripada jumlah saham terbitan BPlant.

Tawaran tersebut merupakan langkah signifikan dalam keseluruhan penstrukturkan semula LTAT dan pemuliharaan Kumpulan Syarikat BHB bagi mengimbangi semula pelaburan portfolionya untuk meletakkan LTAT dalam kedudukan yang lebih baik berbanding profil pulangan risiko. Tawaran ini akan memberikan fleksibiliti kepada LTAT dalam menetapkan hala tuju strategik Bplant dan mempercepatkan rancangan penciptaan nilai bagi memenuhi objektifnya. LTAT kekal teguh dalam meningkatkan kualiti asetnya untuk memberikan pulangan yang mampan kepada pencarumnya, selaras dengan Pelan Strategik LTAT 2023-2025 (“MAMPAN25”).

**LEMBAGA TABUNG ANGKATAN TENTERA (LTAT)  
10 NOVEMBER 2023**

## **UNTUK EDARAN SEGERA**

### **Mengenai LTAT**

Ditubuhkan pada bulan Ogos 1972 di bawah Akta Tabung Angkatan Tentera 1973 (juga dikenali sebagai Akta 101), LTAT merupakan sebuah institusi badan berkanun yang menyediakan kemudahan Skim Simpanan Persaraan kepada para Pegawai dan anggota lain-lain pangkat Angkatan Tentera Malaysia (ATM) serta pesara tentera. Terbaharu, Akta Tabung Angkatan Tentera 1973 telah diumumkan pindaannya pada 1 November 2022.

Sehingga kini, LTAT mempunyai seramai 116,456 pencarum ATM, dengan 110,792 pencarum yang aktif. Di bawah skim LTAT, pencarum wajib dikehendaki mencarum 10% daripada gaji bulanan dan Kerajaan akan mencarum sebanyak 15% sebagai majikan kepada LTAT.

LTAT menguruskan RM10.3 bilion Aset Di bawah Pengurusan setakat 30 September 2023 dengan pengisytiharan dividen sebanyak 5% kepada pencarum pada tahun 2022, selepas pembayaran tahun sebelumnya sebanyak 4.1% pada tahun 2021, 3.5% pada tahun 2020, 2.5% pada tahun 2019 dan 2% pada tahun 2018.

### **PERHUBUNGAN MEDIA:**

**Izzat Alhadjri**

**Pengarah,**

**Ketua Komunikasi**

E-mel : izzat.alhadjri@ltat.gov.my

No. Tel : +60192180792

Laman web : [www.ltat.gov.my](http://www.ltat.gov.my)